Lengkapkan carta di bawah berkaitan dengan asas sistem perundangan Islam.




11 P ialah _____

12 Q ialah _____

Soalan 13 hingga soalan 16

Lengkapkan carta di bawah dengan hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam



13 S ialah _____

14 T ialah _____

15 U ialah _____

Soalan 16 hingga soalan 20

Tandakan (√) pada pernyataan yang betul. Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- 16 Memakmurkan alam merupakan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah SWT yang dikurniakan akal fikiran.
- 17 Kesenian dalam kehidupan menurut Islam mendorong seseorang mengagungkan sesuatu selain Allah SWT.
- 18 Melaburkan wang dalam skim pelaburan konvensional adalah salah satu cara amalan dalam muamalat Islam.
- 19 Merampas harta (sita) merupakan hukuman bagi kesalahan takzir.
- 20 Rakyat bukan Islam berhak mendapat perlindungan daripada pemerintahan Islam.

BAHAGIAN B

1. (a) (i) Islam ialah agama Allah SWT untuk seluruh manusia. Berikan maksud Islam dari segi istilah [2 markah]
- _____
- _____
- (ii) Terangkan dua rukun Islam berserta maksudnya. [4 markah]
- _____
- _____
- _____
- (b) Terangkan dua kepentingan rukun Islam dalam kehidupan seorang mukmin. [4 markah]
- _____
- _____
- _____
- (c) Nyatakan maksud pekerjaan dalam Islam [2 markah]
- _____
- _____
- (d) Jelaskan kesan pekerjaan yang haram kepada individu. [2 markah]
- _____
- _____
- (e) Islam menggalakkan umatnya memiliki harta sebanyak mungkin tetapi mestilah mengikut lunas syariat. Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah manusia diberi pilihan memiliki harta? [1 markah]
- (i)
- _____
- _____
- (ii) Pada pandangan anda, mengapakah Qarun dilaknat oleh Allah SWT sedangkan beliau memiliki harta yang banyak. [5 markah]
- F
- _____
- H1
- _____
- H2
- _____
- H3
- _____
- K
- _____

2. (a) (i) Wahyu dan akal merupakan anugerah Allah SWT kepada umat manusia.
Berikan maksud akal dan wahyu. [4 markah]
- _____
- _____
- _____
- (ii) Jelaskan dua fungsi wahyu terhadap akidah umat Islam. [4 markah]
- _____
- _____
- _____
- (b) Jelaskan dua ibadat wajib yang perlu dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seorang muslim. [4 markah]
- _____
- _____
- _____
- (c) Nyatakan maksud Al-Wadiah dalam muamalah Islam. [2 markah]
- _____
- _____
- (d) Islam menggalakkan umatnya memiliki harta sebanyak mungkin tetapi mestilah mengikut lunas syariat. Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah manusia diberi pilihan memiliki harta? [6 markah]
- F _____
- H1 _____
- H2 _____
- H3 _____
- H4 _____
- K _____

- 3 (a) Pergaulan yang harmoni dapat diwujudkan melalui amalan adab-adab pergaulan lam Islam. [2 markah]
- (i) Nyatakan dua adab pergaulan dalam Islam. [2 markah]
- _____
- _____
- (ii) Jelaskan dua kemungkinan yang akan terjadi sekiranya mengabaikan adab-adab pergaulan dalam Islam. [4 markah]
- _____
- _____
- _____
- (b) Anda dan rakan-rakan sedang berlatih nasyid untuk pertandingan pada minggu hadapan. Tiba-tiba azan solat Zohor berkumandang. [2 markah]
- (i) Apakah tindakan yang sewajarnya anda dan rakan-rakan perlu lakukan? [2 markah]
- _____
- _____
- (ii) Huraikan mengapakah anda perlu berbuat demikian. [4 markah]
- F _____
- H _____
- HL _____
- K _____
- _____
- (c) Nyatakan maksud syura yang diamalkan dalam sistem pentadbiran dan pengurusan Islam. [2 markah]
- _____
- _____
- (d) Jelaskan tiga ciri pentadbir dan pengurus yang baik menurut Islam. [6 markah]
- _____
- _____
- _____
- _____

- 4 (a) Umat Islam dituntut mengamalkan prinsip pandangan hidup Islam dalam semua aspek kehidupan.
- (i) Senaraikan empat prinsip pandangan hidup Islam. [4 markah]
- _____
- _____
- _____
- _____
- (ii) Jelaskan dua keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam. [4 markah]
- _____
- _____
- _____
- _____
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan thabat. [2 markah]
- _____
- _____
- (c) (i) Nyatakan matlamat muamalat Islam. [2 markah]
- _____
- _____
- (ii) Senaraikan dua institusi kewangan yang terdapat di Malaysia. [2 markah]
- _____
- _____
- (d) Kemiskinan merupakan masalah negara yang perlu diselesaikan dengan kaedah-kaedah tertentu. [6 markah]
- (i) Bincangkan cadangan bagi menyelesaikan masalah tersebut. Berikan pandangan anda
- F _____
- H1 _____
- H2 _____
- H3 _____
- H4 _____
- K _____

5. (a) Matlamat perundangan Islam adalah untuk memelihara agama, nyawa, akal, harta dan keturunan.
- (i) Nyatakan dua cara Islam memelihara nyawa. [2 markah]
-
-
- (ii) Terangkan dua cara bagi merealisasikan sistem perundangan Islam dalam kehidupan. [4 markah]
-
-
-
-
- (b) Senaraikan empat sumber utama sistem perundangan Islam [4 markah]
-
-
-
-
- (c) Alam barzakh merupakan salah satu alam yang akan dilalui oleh setiap manusia.
- (i) Apakah maksud alam barzakh? [2 markah]
-
-
- (ii) Nyatakan dua peristiwa yang akan dilalui oleh manusia semasa berada di alam barzakh. [2 markah]
-
-

(d)



Berdasarkan poster di atas, huraikan langkah terbaik mengatasi masalah tersebut agar bertepatan dengan tugas sebagai hamba Allah SWT. [6 markah]

F

H1

H2

H3

H4

K

- 6 (a) Islam tidak melarang kesenian. Islam hanya menolak seni yang melanggar batasan agama dan akhlak.
- (i) Nyatakan dua contoh kesenian yang diharamkan dilaam Islam. [2 markah]
- _____
- _____
- (ii) Bagaimanakah seorang seniman melaksanakan adab dan etika dalam kesenian Islam. Berikan pandangan anda. [6 markah]
- _____
- _____
- _____
- _____
- (iii) Apakah yang dimaksudkan dengan estetika. [2 markah]
- _____
- _____
- (b) Nyatakan dua prinsip negara Islam. [2 markah]
- _____
- _____
- (c) Rakyat terdiri daripada golongan yang menyakini prinsip dan dasar negara Islam serta mematuhi undang-undang yang ditetapkan.
- (i) Senaraikan empat tanggungjawab rakyat. [4 markah]
- _____
- _____
- _____
- _____
- (d) Huraikan dua cara untuk merealisasikan Tadbir Urus Islam dalam organisasi. [4 markah]
- _____
- _____
- _____
- _____

-SOALAN TAMAT-



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU**

**MODUL
INTERVENSI PEMBELAJARAN
SPM 2023**

PERATURAN PEMARKAHAN

TASAWWUR ISLAM

BAHAGIAN A

NO	JAWAPAN	NO	JAWAPAN
1	ZAKAT FITRAH	11	NUTFAH
2	TAIF	12	IZAM DAN LAHAM
3	SYARAK/ SYARIAT	13	MERUJUK KEPADA WAHYU RABBANI
4	TAKAFUL	14	MENEGAKKAN KEADILAN MENENTANG KEZALIMAN
5	PEMILIKAN HARTA	15	MENYERU KEBAIKAN SERTA MENCEGAH KEMUNGKARAN
6	GHARAR	16	X
7	THABAT	17	√
8	SISTEM SOSIAL ISLAM	18	√
9	MEMELIHARA HARTA	19	X
10	MEMELIHARA NYAWA	20	X

BAHAGIAN B

1. (a) (i) **Apakah maksud Ihsan?** [2 markah]
 ● Ihsan bermaksud keadaan di mana manusia melakukan ibadah dan pekerjaan dengan penuh kesungguhan semata-mata kerana Allah SWT.
- (ii) **Jelaskan dua kepentingan Ihsan dalam diri manusia?** [4 markah]
 1. merasakan Allah SWT mengawasi dan melihat segala gerak-geri manusia sepanjang masa.
 2. mengajar manusia untuk berbuat baik kepada manusia dan makhluk yang lain.
- (b) **Apakah maksud prinsip berikut?**
- (i) **Murunah** [2 markah]
 ● Luwes atau anjal iaitu boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap pada prinsip asasnya.
- (ii) **Thabat** [2 markah]
 ● Tetap dan teguh iaitu perkara yang tetap (qat'iyah), tidak boleh diubah dasar, prinsip serta pelaksanaannya menurut Islam.
- (c) **Jelaskan satu contoh murunah dari segi ibadah solat dalam kehidupan seharian?** [2 markah]
 ● Menunaikan solat fardhu dengan cara jamak qasar ketika bermusafir melebihi 2 marhalah.
- (d) **Senaraikan dua contoh thabat.** [2 markah]
 ● Kewajipan menunaikan solat fardhu.
 ● Kewajipan menutup aurat.
- (e) *Keistimewaan Sistem Ekonomi Islam antaranya ialah berteraskan nilai dan akhlak Islam.*
 Berdasarkan pernyataan di atas,
- (i) **Nyatakan 1 contoh pekerjaan yang halal dalam Islam.** [1 markah]
 ● Bekerja sebagai kerani sekolah.
- (ii) **Berdasarkan contoh pekerjaan yang anda nyatakan, kemukakan pendapat anda cara untuk mengelakkan diri daripada terlibat dengan unsur-unsur negatif yang boleh merosakkan kesempurnaan sesuatu pekerjaan yang dilakukan.** [5 markah]
 F Berkawan dengan pekerja yang baik dan soleh
 H1 agar dapat mencontohi ahklak dan keperibadian yang mulia
 H2 dengan tidak melakukan sesuatu perbuatan yang melanggar etika kerja.
 H3 Sebagai contoh, tidak menerima apa-apa sogokan atau rasuah
 H4 yang boleh merosakkan reputasi kerja seharian sehingga dipandang hina oleh masyarakat.
 K oleh itu, kita hendaklah bekerja dengan baik dan mematuhi syariat agar ekonomi umat Islam berkembang

2. (a) (i) **Apakah maksud hamba?** [2 markah]
 ● Manusia yang wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.
- (ii) **Terangkan dua tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT sesama manusia?** [4 markah]
 1. Menjalin hubungan silaturahmi sesama manusia dengan sempurna.
 2. Mengamalkan nilai murni dalam masyarakat dengan konsep amar makruf hahi mungkar.
- (b) **Terangkan dua ciri-ciri wahyu yang menjadi panduan dalam kehidupan muslim.** [4 markah]
 1. Datang daripada Allah SWT yang kebenarannya adalah mutlak.
 2. Diturunkan kepada Nabi dan Rasul sahaja bukan kepada orang awam.
 3. Kesuciannya terpelihara sehingga ke hari kiamat.
- (c) **Senaraikan dua keunggulan sistem perundangan Islam.** [2 markah]
 1. Lengkap merangkumi semua aspek kehidupan manusia.
 2. Hukuman yang adil tanpa mengira pangkat dan keturunan.
- (d) **Nyatakan dua kepentingan melaksanakan sistem perundangan Islam dalam kehidupan?** [2 markah]
 1. Dapat menjaga akidah umat Islam daripada terpesong.
 2. Menjamin keselamatan diri daripada perbuatan yang membahayakan nyawa.
 3. Memastikan akal manusia terpelihara daripada perkara-perkara yang merosakkan iman.
- (e) *Kebanyakan kes salah laku rasuah berlaku dalam kalangan individu yang berjawatan tinggi walaupun mereka tergolong dalam kalangan orang yang cerdas pandai dan telah mengetahui perbuatan tersebut menyalahi perundangan Islam.*
Berdasarkan pernyataan ini, mengapakah situasi di atas sering berlaku? Berikan padangan anda. [6 markah]
- | | | |
|----|---|---|
| F | Kurang didikan agama | Cadangan lain:
Pengaruh rakan
Sukakan kebendaan
Lemah iman |
| H1 | Tentang perundangan Islam | |
| H2 | Mengakibatkan tidak takut akan dosa melakukan perbuatan yang dilarang dalam Islam | |
| H3 | Kesannya, akan dipandang hina oleh masyarakat | |
| H4 | Mengakibatkan masyarakat luar negara tidak menghormati negara kita. | |
| K | Oleh itu, kita hendaklah patuh dan takut kepada undang-undang Islam agar hidup sejahtera. | |

3. (a) (i) **Nyatakan 2 sumber utama Sistem Sosial Islam selain daripada Al-Quran dan Al-Sunnah.** [2 markah]
 1. Al-Ijmak
 2. Al-Qias
- (ii) **Terangkan dua Hak Asasi manusia yang diperlukan untuk menjalani kehidupan dengan sejahtera berdasarkan isi berikut:** [4 markah]
 1. Kebebasan bersuara: mengharamkan perbuatan yang boleh merosakkan perpaduan masyarakat seperti menyebarkan fitnah dan mengadu domba.
 2. Pemilikan harta: berusaha meningkatkan taraf hidup dan mencari rezeki secara bagi menyara keperluan hidup seharian dan membantu golongan susah.
- (b) **Jelaskan dua ciri-ciri kekeluargaan Islam.** [4 markah]
 1. Sentiasa mengamalkan akhlak mulia dan contoh teladan yang baik untuk menjamin kehidupan yang sejahtera.
 2. Sentiasa berkomunikasi secara positif supaya tiada pertelingkahan dalam keluarga.
- (c) **Huraikan peranan anak terhadap ibu bapa dalam keluarga.** [2 markah]
 ● Menjaga maruah ibu bapa dan keluarga supaya mereka dihormati oleh masyarakat.
- (d) **Nyatakan dua etika Tadbir Urus Islam.** [2 markah]
 1. Integriti
 2. Amar makruf dan nahi mungkar.
- (e) *Kepentingan melaksanakan tadbir urus dalam Sistem Pentadbiran dan Pengurusan Islam terhadap individu antaranya ialah menjaga hubungan baik antara ketua dengan ahli-ahlinya.* [6 markah]
Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan kesan sekiranya ketua mengabaikan tanggungjawabnya terhadap pekerja-pekerja di bawah pentadbirannya.
- F Hilang sifat hormat pekerja terhadap majikan
- H1 Kerana mengabaikan tanggungjawab dan keperihatinan terhadap pekerja di bawahnya
- H2 seperti tidak memberi kelonggaran untuk bercuti Panjang kerana sakit.
- H3 sehingga pekerja menjadi murung.
- H4 Kesannya prestasi kerja akan merosot
- H5 sehingga memberi kesan kepada organisasi. (Huraian Pilihan)
- K Oleh itu majikan perlu mengambil cakna kebajikan pekerja agar memberi kebaikan Bersama kepada semua pihak.

4. (a) (i) **Apakah maksud Ghaibiyah?** [2 markah]
 ● Perkara yang tidak dapat dilihat dan tersembunyi serta tidak nampak pada pandangan mata kasar.
- (ii) **Terangkan dua kepentingan amalan akidah menurut Islam dalam kehidupan seharian seseorang muslim?** [4 markah]
 1. Menjadi syarat utama amalan seharian diterima oleh Allah SWT.
 2. Menjadi benteng daripada melakukan perkara syiri, khurafat dan bidaah.
- (b) **Terangkan dua amalan yang dapat membuktikan pegangan akidah yang benar dalam kehidupan mukmin.** [4 markah]
 1. Memohon perlindungan dan keselamatan hanya kepada Allah.
 2. Sentiasa bersyukur apabila beroleh kejayaan dalam kehidupan.
- (c) **Senaraikan dua ciri muamalat Islam.**
 1. Bersumberkan Al-Quran dan Al-Hadis
 2. Redha- meredhai dalam urusan antara kedua-dua belah pihak.
- (d) **Nyatakan dua jenis muamalat Islam.** [2 markah]
 1. Al- Wadiah
 2. Al-Rahnu
- (e) Pelaksanaan Muamalat Islam dan Pengurusan Institusi Kewangan Islam sangat penting dalam kehidupan bermasyarakat untuk saling mengenali dan mengeratkan silaturahim serta hidup dalam suasana bantu membantu melalui sistem ta'awun dan tabarru'.
Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kesan buruk jika tidak bermuamalat dengan muamalat Islam terhadap masyarakat dalam kehidupan? Berikan hujah anda. [6 markah]
- F Masyarakat berpecah belah
- H1 Kerana hilang semangat tolong menolong
- H2 Seperti mengabaikan kesusahan masyarakat setempat
- H3 sehingga mengakibatkan perbalahan untuk mendapatkan sesuatu keperluan harian.
- H4 Kesannya imej dan maruah masyarakat Islam itu tercalar.
- H5 Sehingga memberi kesan kepada imej negara Islam (Huraian Pilihan)
- K Oleh itu, kita hendaklah menaikkan imej Islam dengan cara bermuamalat secara Islam supaya hidup dalam keadaan aman harmoni.

5. (a) (i) **Apakah maksud akal?** [2 markah]
Maksud akal ialah keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia untuk membezakan dengan haiwan atau makhluk-makhluk yang lain.
- (ii) **Terangkan dua fungsi akal kepada setiap insan?** [4 markah]
1. membezakan antara perkara kebenaran (hak) dengan perkara kesesatan (batil)
2. Mempelajari cara-cara untuk mendekati diri dan beribadat kepada Allah SWT dengan betul dan sempurna.
- (b) **Terangkan dua perkara yang merosakkan akal.** [4 markah]
1. Penyalahgunaan bahan terlarang seperti dadah dan syabu.
2. Mengambil makanan dan minuman yang memabukkan serta merosakkan akal seperti arak.
- (c) **Senaraikan dua kepentingan wahyu dalam memelihara akal.** [2 markah]
1. Wahyu memerintahkan manusia menggunakan akal sepenuhnya.
2. Wahyu mempengaruhi akal untuk menghasilkan kemuliaan akhlak dan tingkahlaku.
- (d) **Nyatakan dua peranan hakim.** [2 markah]
1. Menjatuhkan hukuman secara adil dan saksama setimpal dengan kesalahan.
2. Membebaskan tertuduh jika didapati terdapat keraguan dari segi bukti dan hujah.
- (e) *Seorang hakim telah menarik diri daripada mengendalikan perbicaraan suatu kes yang menyalahi salah satu etika kehakiman Islam.*
- (i) **Pada pendapat anda, apakah etika tersebut?** [1 markah]
● Etika tersebut ialah hakim dilarang untuk menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya seperti kelaurga sendiri.
- (ii) **Mengapakah hakim mesti mematuhi etika yang dinyatakan ini? Bincangkan.** [5 markah]
- H1 Hakim perlu mematuhi etika ini supaya keputusan yang dibuat tepat
- H2 agar tidak menimbulkan isu tidak percaya kepada institusi kehakiman Islam
- H3 Yang boleh menjejaskan imej kehakiman Islam
- H4 sehingga negara bukan Islam memandang serong kepada institusi Kehakiman Islam di Malaysia.
- K Oleh itu, sebagai hakim muslim, kita hendaklah mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh syarak supaya mencapai keharmonian dalam kehidupan.

6. (a) (i) **Apakah maksud Pergaulan dalam Islam?** [2 markah]
 ● Pergaulan dalam Islam ialah komunikasi antara seorang individu dengan individu lain berteraskan syariat Islam.
- (ii) **Terangkan dua asas pergaulan dalam Islam?** [4 markah]
 1. Saling mengenali dengan cara memberi salam ketika bertemu serta berkomunikasi dengan sopan.
 2. Saling memahami dengan bersikap lapang dada dan pemaaf dengan saling nasihat menasihati.
- (b) **Terangkan dua kepentingan mengamalkan adab dan etika berhibur dalam kehidupan seseorang muslim.** [4 markah]
 ● Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT
 ● Menghasilkan hiburan yang selari dengan nilai akhlak Islam
- (c) **Senaraikan dua konsep kesenian Islam.** [2 markah]
 1. Mengagungkan Allah SWT.
 2. Membangun potensi umat Islam.
- (d) **Nyatakan dua contoh kesenian dalam Islam.** [2 markah]
 1. Seni Khat dan Kaligrafi Islam
 2. Seni Reka Fesyen.
- (e) Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:
“Sebaik-baik pemimpin kamu ialah yang kamu cintai dan mereka pun mencintai kamu serta yang sentiasa kamu doakan dan mereka pun selalu mendoakan kamu”.
 Justeru, pemimpin yang baik adalah yang sentiasa menjaga kebajikan dan kemaslahatan rakyat di bawah pemerintahannya.
Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kesan sekiranya seorang pemimpin mengabaikan tanggungjawab dalam melaksanakan pemerintahannya. Berikan hujah anda. [6 markah]
- F Berlaku penyelewengan dalam pentadbiran negara dan masyarakat.
 H1 Seperti tidak telus dalam mengagihkan sesuatu bantuan atau keperluan hak asasi rakyat yang memerlukan.
 H2 Kesannya, rakyat tidak mendapat apa yang diperlukan
 H3 Untuk merealisasikan kehidupan dengan sempurna.
 H4 Mengakibatkan rakyat terus-terusan hidup dalam kemiskinan dan kemelantaran
 H5 Sehingga dipandang buruk oleh sesebuah masyarakat yang maju.
 K Oleh itu, sebagai seorang pemimpin hendaklah memimpin dan memerintah dengan penuh tanggungjawab agar mencapai kehidupan yang harmoni.

BAHAGIAN A

NO	JAWAPAN	NO	JAWAPAN
1	BERTAUBAT	11	INTEGRITI
2	AKAL	12	SISTEMATIK
3	BAITULMAL	13	TETAP TIDAK BERUBAH
4	INTEGRITI	14	BERLANDASKAN FITRAH MANUSIA
5	EKONOMI ISLAM	15	MELIPUTI SEMUA ASPEK
6	TABARRU'	16	X
7	HAMBA	17	X
8	KELUARGA	18	X
9	AMANAH	19	√
10	BERSANGKA BAIK	20	√

BAHAGIAN B

1. (a) (i) **Apakah maksud Islam?** [2 markah]
- Sejahtera, selamat dan penyerahan. (1m)
 - Taat dan patuh kepada perintah Allah SWT, meninggalkan larangan-Nya (1m) beroleh kesejahteraan dan keselamatan apabila berserah kepada-Nya. (1m)
- (ii) **Terangkan dua kepentingan rukun Islam kepada individu muslim?** [4 markah]
- Dua kepentingan rukun Islam kepada individu muslim:
- Asas ketaatan kepada ajaran Islam (1m) yang diakui oleh Allah SWT. (1m)
 - Menjamin hubungan baik (1m) antara manusia dengan Allah SWT (1m)
 - Merupakan kunci kejayaan (1m) di dunia dan di akhirat. (1m)
 - Membawa kebahagiaan dalam hidup manusia (1m) yang mengikut segala perintah-Nya. (1m)
- Manusia dianjurkan untuk berusaha dan bekerja bagi menjana pendapatan.
- (b) (i) **Senaraikan dua contoh pekerjaan yang halal dalam Islam.** [2 markah]
- Guru ● Petani
 - Buruh ● Nelayan
 - Doktor
 - Kerani
- (ii) **Nyatakan dua ciri pekerjaan yang dianjurkan dalam Islam.** [2 markah]
- Dua ciri pekerjaan yang dianjurkan dalam Islam:
- Pekerjaan yang halal
 - Menurut kehendak syariat
 - Menjaga ketenteraman awam
 - Memastikan keselamatan diri dan orang lain.
- (c) **Jelaskan dua matlamat pemilikan harta.** [4 markah]
- Dua matlamat pemilikan harta:
- Mendapat keberkatan dan rahmat Allah SWT (1m) kerana menurut syariat Allah SWT. (1m)
 - Menjamin keselamatan hidup (1m) di dunia dan di akhirat (1m)
 - Membangunkan ekonomi umat Islam (1m) agar Islam dapat dicontohi.
 - Mengelakkan daripada berlakunya penindasan dan kezaliman (1m) yang boleh memutuskan silaturahim. (1m)(1m)

- (d) Sistem ekonomi konvensional ialah system ekonomi yang ditentukan oleh manusia dan tidak mempunyai piawai yang mutlak tetapi bersifat anjal dan berubah mengikut ketentuan masyarakat.
- (i) **Berdasarkan definisi di atas, berikan salah satu contoh Sistem ekonomi konvensional.** [1 markah]
Salah satu contoh sistem Konvensional:
- Kapitalis
 - Komunis
 - Sosialis
 - Campuran
- (ii) **Mengapakah Sistem ekonomi konvensional dilarang dalam Islam ?** [5 markah]
- F Sistem yang berasaskan riba
- H1 Contohnya mengambil keuntungan yang berlipat kali ganda
- H2 Dengan cara ini boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati
- H3 Di kalangan mereka yang tertindas malah boleh mencetuskan pergaduhan
- K Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa memilih system muamalat yang berlandaskan Islam agar rezeki yang diperolehi diberkati Allah SWT.

- 2.. (a) (i) **Nyatakan maksud alam musyahadah beserta contoh?** [2 markah]
- Maksud alam musyahadah ialah alam nyata yang dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal manusia(1m) tentang kewujudannya seperti manusia,haiwan dan tumbuhan (1m)

- (ii) **Terangkan dua keistimewaan insan.** [4 markah]
- Dua keistimewaan insan:
- Dikurniakan akal fikiran(1m) yang dapat membezakan antara yang benar dan salah.(1m)
 - Diberikan kitab sebagai panduan(1m) agar kehidupan direndhai Allah SWT.(1m)
 - Diberi tanggungjawab sebagai khalifah(1m) untuk memakmurkan bumi. (1m)
 - Dianugerahkan rasul sebagai pembimbing(1m) ke arah kebenaran.(1m)

Perkara ghaib adalah perkara yang tidak dapat dilihat dan tersembunyi serta tidak nampak pada pandangan mata kasar.

- (b) (i) **Berdasarkan pengertian di atas,senaraikan dua contoh perkara ghaib yang anda ketahui.** [2 markah]
- Dua contoh perkara ghaib:
- Alam roh
 - Alam Rahim
 - Alam Barzakh
 - Alam Akhirat
 - Padang Mahsyar

- (ii) **Terangkan kesan baik beriman kepada perkara ghaib terhadap individu.** [2 markah]
- Dua kesan baik beriman kepada perkara ghaib terhadap individu:
- Dapat menginsafkan diri(1m) dengan amalan soleh sebagai bekalan(1m)
 - Sentiasa berhati-hati dalam tindakan(1m) agar diri tidak terpesong kearah kesesatan.(1m)

- (c) **Jelaskan dua kepentingan melaksanakan system perundangan Islam dalam kehidupan.** [4 markah]
- Dua kepentingan melaksanakan sistem perundangan Islam dalam kehidupan:
- Menjaga akidah umat Islam daripada terpesong(1m) seperti tiada unsur-unsur syirik, kufur dan sebagainya.(1m)
 - Menjamin keselamatan diri(1m) daripada perbuatan yang membahayakan nyawa(1m)
 - Memastikan akal manusia terpelihara(1m)daripada perkara-perkara yang merosakkan pemikiran.(1m)

- (d) *Firman Allah Taala yang bermaksud:*

"Janganlah kalian mendekati zina, kerana zina itu perbuatan keji dan suatu jalan yang buruk"
(Surah Al-Isra':32)

- (i) **Berdasarkan maksud ayat di atas,nyatakan hukuman bagi kesalahan zina berikut :** [2 markah]
Hukumannya:
- i.i Penzina yang belum berkahwin
 - Disebat 100 kali
 - i.ii Penzina yang telah berkahwin
 - Direjam sampai mati
- (ii) **Ramalkan implikasi yang akan berlaku kepada umat Islam , sekiranya perlakuan diatas tidak dibendung.** [4 markah]
- F Merosakkan keturunan manusia
 - H1 Seperti kelahiran anak luar nikah
 - H2 Kerana tiada ikatan perkahwinan yang sah antara lelaki dan perempuan.
 - K Kesimpulannya,kita wajiblah mentaati segala hokum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT agar keturunan manusia tepelihara.

- 3 (a) (i) **Nyatakan maksud keluarga.** [2 markah]
 ● Maksud keluarga ialah unit sosial (1m) yang dihubungkan melalui pertalian darah,perkahwinan atau pengambilan anak angkat.(1m)
- (ii) **Terangkan dua punca keruntuhan rumah tangga.** [2 markah]
 Dua punca keruntuhan rumah tangga:
 ● Suami tidak berlaku adil (1m) jika berpoligami.(1m)
 ● Suami tidak melaksanakan tanggungjawab (1m) seperti memberi nafkah (1m)
 ● Isteri tidak taat kepada suami (1m) seperti melakukan perkara yang boleh menjatuhkan maruah suami.(1m)
- (b) (i) **Terangkan maksud khilafah?** [2 markah]
 Maksud khilafah ialah:
 ● Sistem pemerintahan Islam yang dinaungi oleh seorang Pemimpin Islam (1m) yang adil,taat dan patuh kepada syariat Allah SWT.(1m)
- (ii) **Jelaskan dua kepentingan melaksanakan tuntutan dan tanggungjawab khilafah.** [4 markah]
 ● Mendapat keredaan Allah SWT(1m) kerana pemeritahan berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah.(1m)
 ● Mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat (1m) kerana adanya sikap saling menghormati dan bertoleransi.(1m)
- (c) **Jelaskan dua matlamat negara Islam** [4 markah]
 ● Menegakkan perundangan dan hukum Allah SWT(1m) agar negara aman sejahtera.(1m)
 ● Merealisasikan keadilan(1m) supaya tiada yang teraniaya(1m)
- (d)

Ciri-ciri pentadbiran dan pengurus yang baik memainkan peranan penting kepada kemajuan sesebuah organisasi.

- (i) **Nyatakan kesan jika organisasi diurus dan ditadbir pengurus yang tidak memiliki ciri-ciri mengurus yang baik.** [1 markah]
 ● Mengabaikan amanah yang diberikan.
 ● Hilang sokongan daripada orang bawahan.
 ● Berlaku pertelingkahan.
 ● Menyebabkan kemunduran organisasi dan negara.
- (ii) **Cadangkan tindakan yang perlu dilakukan supaya organisasi memiliki pentadbir dan pengurus yang cemerlang.** [5 markah]
 F Mengadakan mesyuarat dalam segala urusan
 H1 Agar semuanya berjalan dengan baik dan terancang
 H2 Dengan cara ini setiap masalah yang timbul dapat diselesaikan
 H3 mengikut masa,cepat dan tepat
 K Kesimpulannya,kita hendaklah sentiasa bekerjasama antara satu sama lain demi mewujudkan satu organisasi yang cemerlang.

Akhlak merupakan sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong sesuatu perbuatan dan perlakuan tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam.

4. (a) (i) **Nyatakan dua contoh akhlak mulia dengan Allah SWT?** [2 markah]
 Dua contoh akhlak mulia dengan Allah SWT:
- Redha
 - Bersyukur
- (ii) **Jelaskan dua cara memupuk akhlak mulia dalam diri.** [4 markah]
 Dua cara memupuk akhlak mulia dalam diri:
- Mentaati perintah Allah SWT dan Rasul-Nya(1m) agar termasuk dalam kalangan orang-orang yang beriman.(1m)
 - Sentiasa berdoa memohon dihiasi akhlak mulia(1m) agar hidup tenang(1m)
- (b) (i) **Jelaskan dua asas sistem ekonomi Islam?** [4 markah]
 Dua asas ekonomi Islam:
- Mengiktiraf pemilikan harta individu
 - Mengelola harta yang dimiliki menurut syarak
 - Mengagihkan harta dalam kalangan masyarakat dengan adil
- (ii) **Terangkan empat sumber utama sistem ekonomi Islam.** [4 markah]
- Al- Quran
 - Al- Ijmak
 - Al- Hadis
 - Al- Qias
- (c) Setiap muslim berkewajipan untuk mengeluarkan zakat bagi yang berkemampuan.
- (i) **Senaraikan dua jenis zakat yang anda ketahui.** [2 markah]
- Zakat perniagaan
 - Zakat fitrah
 - Zakat Ternakan
- (ii) **Bagaimanakah ibadat yang dinyatakan diatas dapat memajukan ekonomi umat Islam? Berikan hujah anda.** [4 markah]
- F Ibadat zakat dapat membantu golongan yang kurang berkemampuan
- H1 Sekaligus mengurangkan bilangan orang yang fakir dan miskin
- H2 Hal ini demikian akan menjadikan negara bebas daripada kecurian dan rompakan serta akan menaikkan imej negara di mata dunia.
- K Kesimpulannya,kita hendaklah bersikap prihatin kepada golongan yang susah dengan membantu mereka agar harta kita bertambah dan berkat.

5. (a) (i) **Apakah maksud akal?** [2 markah]
- Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT(1m) kepada manusia untuk membezakannya dengan haiwan. (1m)
- (ii) **Jelaskan dua perbezaan antara perbuatan berpandukan wahyu dengan perbuatan yang berpandukan akal** [4 markah]
- Dua perbezaan perbuatan berpandukan wahyu dan perbuatan berpandukan akal:
- Perbuatan berpandukan wahyu:**
- Perbuatan wahyu jelas daripada Allah
 - Bimbingan wahyu akan menuju atau membawa kebenaran
- Perbuatan berpandukan akal**
- Pemikiran akal semata-mata akan membawa kepada kesesatan kerana dipengaruhi nafsu.
 - Perbuatan dan tingkah laku berdasarkan akal tidak bersifat menyeluruh dan kabur.
- (b) (i) **Senaraikan dua syarat pelantikan hakim.** [2 markah]
- | | |
|-----------|-------------|
| • Islam | • Berakal |
| • Beriman | • Berilmu |
| • Baligh | • Bijaksana |
| • Adil | |
- (ii) **Terangkan dua peranan hakim dalam Islam.** [2 markah]
- Dua peranan hakim;
- Menjatuhkan hukuman secara adil dan saksama setimpal dengan kesalahan
 - Menjatuhkan hukuman dalam keadaan tenang
 - Menjatuhkan hukuman tanpa ragu- ragu kepada pesalah
 - Menjatuhkan hukuman dalam keadaan tenang
 - Menjatuhkan hukuman tanpa ragu- ragu kepada pesalah.
- (c) **Huraikan dua sebab Allah SWT melarang umatnya melakukan perbuatan haram.**
- Dua sebab Allah SWT melarang umatnya melakukan perbuatan haram:
- Merosakkan kesihatan
 - Melemahkan akal
 - Mewujudkan sifat sombong dan bangga diri
 - Mengelakkan alam daripada dirosakkan.

Orang yang murtad akan dikenakan hukuman bunuh jika tidak mahu bertaubat. Ramai yang menyatakan bahawa hukuman bunuh kepada orang murtad adalah kejam dan zalim.

- (d) Berdasarkan pernyataan di atas, berikan hujah anda bagi menolak tanggapan negatif tersebut. [6 markah]

Hujah saya bagi menolak tanggapan negatif tersebut ialah:


- F Orang yang murtad akan dinasihati atau diberi peluang untuk bertaubat.
- H1 Sekiranya mereka tidak mahu bertaubat maka akan dilaksanakan hukuman hudud sebagaimana yang telah disyariatkan oleh Allah SWT
- H2 Ini menunjukkan bahawa kesucian agama Islam tidak dicemari
- H3 Malah hukumannya adalah untuk memberi pengajaran
- H4 memberi keinsafan dan kepada mereka agar tidak mempermain-mainkan perkara yang melibatkan akidah
- K Kesimpulannya, kita hendaklah berhati-hati dalam setiap tindakan yang boleh menyebabkan iman kita terbatal.

6. (a) (i) **Nyatakan dua adab pergaulan menurut Islam.** [2 markah]
 Dua adab pergaulan:
- Menjaga tutur kata supaya tidak menyakiti hati orang lain
 - Menjaga batas pergaulan antara lelaki dengan perempuan
 - Menghormati dan tidak menghina orang lain
- (ii) **Jelaskan dua kepentingan adab dan etika kesenian Islam.** [4 markah]
 Dua kepentingan adab dan etika kesenian Islam:
- Memenuhi fitrah manusia(1m) yang menyukai keindahan selari dengan syarak(1m)
 - Mengetahui batasan manusia(1m) dalam berkarya (1m)
 - Memberi panduan dalam menghasilkan seni (1m) yang menepati nilai-nilai akhlak Islam (1m)
- (b) (i) **Apakah maksud pentadbiran dan pengurusan Islam?** [2 markah]
- Maksud pentadbiran dan pengurusan Islam ialah perancangan dan pergerakan oleh sesuatu organisasi berhubung dengan kaedah, peraturan, tanggungjawab dan tugas(1m) dalam pengolahan sumber manusia dan sumber alam selari dengan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi.(1m)
- (ii) **Jelaskan dua kepentingan sistem pentadbiran dan pengurusan Islam terhadap organisasi.** [4 markah]
- Memastikan kelancaran urusan pentadbiran sesebuah organisasi.
 - Menaikkan imej sesebuah organisasi di mata masyarakat luar.
 - Menyelesaikan sesuatu urusan secara rundingan dan muafakat.
- (c) **Terangkan dua kepentingan ibadat solat dalam Islam** [2 markah]
- Meneguhkan hubungan manusia dengan Allah SWT
 - Meningkatkan ketakwaan
- Hiburan yang melalaikan dan tidak mengikut syariat akan menyebabkan pergaulan bebas serta lahirnya anak luar nikah.
- (d) (i) **Terangkan punca berlakunya perbuatan negatif tersebut.:** [2 markah]
- Mudah terpengaruh dengan perbuatan rakan sebaya (1m) yang tidak berakhlak (1m)
- (ii) **Berdasarkan pernyataan di atas, apakah tindakan anda untuk mengelakkan perkara tersebut daripada berleluasa?** [4 markah]
 Tindakan saya :
- F Memilih rakan yang baik dari segi ilmu agama dan adab
 H1 Agar dapat membimbing diri kita kearah kebaikan
 H2 Contohnya saling nasihat menasihati untuk kebaikan
 K Kesimpulannya kita hendaklah berhati-hati dalam memilih rakan yang dapat menyelamatkan diri kita dari segala keburukan

BAHAGIAN A

NO	JAWAPAN	NO	JAWAPAN
1	REDA MEREDAI	11	TAKZIR
2	ZAT	12	HUDUD
3	AL QIAS	13	DIBERI KITAB SEBAGAI PANDUAN
4	PIAGAM MADINAH	14	DIBERI AKAL
5	SYIRIK	15	ANUGERAH RASUL SEBAGAI PEMBIMBING
6	RABBANIYYAH	16	√
7	ASABIYYAH	17	X
8	MADANI	18	X
9	SOLAT	19	√
10	SOLAT JENAZAH	20	√

BAHAGIAN B

1. (a) (i) **Apakah maksud Rasul ?** [2 markah]
- Rasul ialah lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu dan diperintahkan untuk menyampaikan kepada orang lain.
- (ii) **Senaraikan empat sifat mustahil bagi Rasul.** [4 markah]
Empat sifat mustahil bagi Rasul ialah :
- (Al-Kizb) Bohong
 - (Al-Khianah) Pecah Amanah
 - (Al-Kitman) Menyembunyikan
 - (Al-Baladah) Bodoh
- (b) **Jelaskan dua ciri akhlak menurut Islam.** [4 markah]
Dua ciri akhlak menurut Islam ialah :
- Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan utama umat Islam
 - Tetap dan tidak berubah sepanjang zaman kerana kesempurnaan ajarannya .
- (c) **Senaraikan dua jenis pemilikan harta selain hak milik individu.** [2 markah]
Dua jenis pemilikan harta selain hak milik individu ialah :
- Hak milik negara
 - Hak milik umum
- (d) **Nyatakan dua jenis muamalat Islam .** [2 markah]
Dua jenis muamalat Islam ialah :
- | | |
|-----------------|-------------------------|
| • Al-Wadi'ah | • Al-Bai' Bithaman Ajil |
| • Al-Mudarabah | • Al-Rahnu |
| • Al-Musyarakah | • Al-Ijarah |
| • Al-Murabahah | • Al- Takaful |
- (Pilih dua jawapan sahaja)
- (e)  [6 markah]
Apakah langkah terbaik yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan bagi membendung masalah yang dipaparkan dalam gambar di atas.
- F Kerajaan perlu memantau kegiatan agama yang salah.
H1 dengan menyediakan guru agama yang bertauliah.
H2 Hal ini demikian dapat mengelakkan daripada kekeliruan yang wujud.
H3 akibat kurangnya ilmu agama dalam kalangan masyarakat.
H4 Melalui kuliah ilmu daripada guru agama yang bertauliah,
H5 masyarakat dapat membezakan antara yang benar dan yang salah.
K Kesimpulannya kita hendaklah mendalami ilmu agama agar tidak mudah terpengaruh dengan perkara yang menyesatkan.

2. (a) (i) **Apakah maksud insan?** [2 markah]
- Insan ialah makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal serta ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta memakmurkan alam.
- (ii) **Senaraikan empat peringkat alam yang akan dilalui oleh setiap manusia ialah :** [4 markah]
- Empat peringkat alam yang akan dilalui oleh setiap manusia ialah :
- Alam Roh
 - Alam Rahim
 - Alam Dunia
 - Alam Barzakh/kubur
 - Alam Akhirat
- (Pilih 4 jawapan sahaja)**
- (b) **Huraikan dua keunggulan sistem perundangan Islam.** [4 markah]
- Ciptaan Allah SWT yang bersih daripada sebarang kelemahan, kekurangan dan dorongan hawa nafsu
 - Hukuman yang adil tanpa mengira pangkat dan keturunan
 - Lengkap kerana merangkumi semua aspek kehidupan manusia.
- (c) **Senaraikan dua asas sistem perundangan Islam selain pembalasan.** [2 markah]
- Dua asas sistem perundangan Islam selain pembalasan
- Pencegahan
 - Pemulihan
- (d) **Nyatakan dua matlamat sistem perundangan Islam .** [2 markah]
- Memelihara agama
 - Memelihara nyawa
 - Memelihara akal
 - Memelihara keturunan
 - Memelihara harta

(e)



Apakah hukuman menerima wang suapan seperti diatas dan mengapakah situasi ini berlaku dalam kalangan individu yang berjawatan tinggi walaupun mereka ialah golongan cerdik pandai dan mengetahui perbuatan tersebut menyalahi perundangan Islam. Berikan pendapat anda.

[6 markah]

Hukuman menerima wang suapan :

Haram (1m)

- F Sikap tamak yang menguasai diri mereka
- H1 Menyebabkan mereka mengenenpikan hukum Allah SWT.
- H2 Kesannya mereka melakukan perbuatan yang dimurkai oleh Allah
- H3 Hal ini menyebabkan mereka sanggup untuk melakukan apa sahaja demi kepuasan diri dan mengejar harta dunia.
- K Oleh itu, kita hendaklah patuh kepada perintah Allah SWT agar hidup kita akan diberkati olehnya.

3. (a) (i) **Nyatakan pengertian keluarga.** [2 markah]
- Keluarga ialah unit sosial yang dihubungkan melalui pertalian darah,perkahwinan atau pengambilan anak angkat.
- (ii) **Jelaskan dua peranan suami dan isteri terhadap keluarga.** [4 markah]
- Dua peranan suami dan isteri terhadap keluarga ialah :
- Memelihara dan mendidik anak-anak dengan baik untuk melahirkan anak yang soleh dan berkualiti
 - Menghubungkan silaturrahim antara kedua-dua belah keluarga
 - Mengamalkan akhlak mulia dan sopan dalam pergaulan sesama ahli keluarga.;
- (b) **Huraikan dua implikasi pengabaian tanggungjawab terhadap ahli keluarga.** [4 markah]
- Dua implikasi pengabaian tanggungjawab terhadap ahli keluarga ialah:
- Keluarga akan berpecah belah kerana tiada persefahaman antara satu sama lain
 - Hilang kasih sayang yang akan menyebabkan kehidupan sesebuah keluarga tidak bahagia
- (c) **Apakah maksud pengurusan Islam.** [2 markah]
- Maksud pengurusan Islam ialah kaedah pemerintahan sesebuah negara yang ditadbir berdasarkan ajaran islam serta melaksanakan syariat Islam.
- (d) **Nyatakan dua peranan khalifah dalam sistem pentadbiran di zaman Rasulullah SAW.** [2 markah]
- Dua peranan khalifah dalam sitem pentadbiran di zaman Rasulullah SAW ialah :
- Ketua eksekutif
 - Panglima tertinggi

(e)



Berdasarkan petikan berita di atas, apakah punca berlakunya masalah tersebut dan cadangkan tindakan yang boleh di ambil oleh ibu bapa bagi merealisasikan pembinaan keluarga Islam. Huraikan.

[6 markah]

- F **Punca berlaku : kurang penghayatan agama dalam kalangan ahli keluarga (1m)**
- H1 Ahli keluarga boleh melakukan aktiviti harian bersama yang dianjurkan oleh Islam
- H2 Seperti solat berjemaah, makan bersama dan beriadah.
- H3 Hal ini dapat memupuk rasa hormat-menghormati antara ahli keluarga .
- H4 Kesannya segala akhlak murni dapat dipupuk besama-sama.
- K Kesimpulannya kita hendaklah menerapkan nilai-nilai islam dalam ahli keluarga agar dapat membantu keluarga yang beriman.

4. (a) (i) **Apakah maksud Rabbaniyyah?** [2 markah]
- Maksud Rabbaniyyah ialah segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT.
- (ii) **Jelaskan dua prinsip Rabbaniyyah.** [4 markah]
- Dua prinsip Rabbaniyyah ialah :
- Islam ialah agama yang diwahyukan oleh Allah SWT
 - Islam dan seluruh makhluk merupakan hak milik Allah SWT
 - Islam ialah satu pegangan yang jitu dan bersih daripada kekurangan, kejahilan dan dorongan hawa nafsu
 - Allah SWT sebagai pemberi peraturan hidup
(Pilih dua jawapan sahaja)
- (b) **Huraikan dua keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam.** [4 markah]
- Dua keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam ialah :
- Sesuai dengan fitrah dan akal manusia kerana datang daripada Allah
 - Bersifat jelas dan praktikal untk memudahkan kefahaman penganutnya.
 - Sesuai dengan peranan sebagai khalifah untuk memakmurkan kehidupan dan kesejahteraan manusia.
 - Seimbang dalam hubungan manusia dengan Allah SWT , manusia dan alam sekitar.
(Pilih dua jawapan sahaja)
- (c) **Apakah yang dimaksudkan dengan institusi kewangan Islam?** [2 markah]
- Institusi kewangan Islam ialah badan atau agensi milik kerajaan dan swasta yang mengutip sumber- sumber kewangan dan mengagihkannya mengikut muamalat Islam.
- (d) **Senaraikan dua institusi kewangan Islam yang terdapat di Malaysia.** [2 markah]
- Dua institusi kewangan Islam yang terdapat di Malaysia ialah :
- Tabung haji
 - Takaful
 - Baitulmal

- (e) **Era pasca covid menyebabkan berlaku banyak isu berkaitan pembuangan pekerja dan ini merupakan isi utama yang boleh menjejaskan ekonomi dan keharmonian masyarakat. Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan cara Islam menyelesaikan isu ini. Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan cara Islam menyelesaikan isu ini.** [6 markah]
- F Cara Islam menyelesaikan masalah ini ialah dengan memberi bantuan sumbangan barangan keperluan atau kewangan
- H1 Melalui sumber Baitulmal, zakat dan juga sedekah.
- H2 Hal ini akan dapat meringankan beban masyarakat yang ditimpa musibah
- H3 serta melahirkan sikap tolong-menolong dalam kalangan masyarakat.
- H4 Kesannya mereka yang ditimpa musibah berasa gembira dan mampu meneruskan kelangsungan hidup
- H5 dan mampu meneruskan kelangsungan hidup
- K Kesimpulannya kita sebagai umat Islam hendaklah mempunyai semangat persaudaraan yang tinggi dengan prihatin akan masalah yang dihadapi oleh saudara seagama agar kehidupan diberkati Allah SWT.

5. (a) (i) **Senaraikan dua ciri akal.** [2 markah]
 Dua ciri akal ialah :
- Anugerah istimewa yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia untuk berfikir
 - Membezakan antara manusia dan haiwan
 - Tidak mampu memikirkan perkara-perkara ghaib
 - Sentiasa berubah dan berkembang
- (Pilih dua jawapan sahaja)**
- (ii) **Jelaskan dua perkara yang boleh merosakkan akal.** [4 markah]
 Dua perkara yang boleh merosakkan akal ialah :
- Penyalahgunaan bahan terlarang seperti dahah dan syahbu.
 - Menonton bahan lucah sehingga membawa kepada gejala maksiat
 - Mengambil makanan dan minuman yang memabukkan seperti meminum arak dan alcohol.
- (b) **Terangkan dua kelebihan berpegang dengan wahyu kepada individu.** [4 markah]
 Dua kelebihan berpegang dengan wahyu kepada individu ialah:
